

24/01/1998

Tingkat rancangan tempatan: Mohamed

Radzi Wahab

SEMUA stesen televisyen teresterial hari ini diarah meningkatkan penyiaran rancangan tempatan sebagai membantu menghalang aliran keluar wang negara, terutama ketika kegawatan ekonomi semasa.

Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat, berkata arahan itu dikeluarkan kepada Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3), City Television Sdn Bhd (Metrovision) dan sebuah syarikat televisyen yang akan beroperasi April ini, Nat Seven Television Sdn Bhd (NTV7).

Menurutnya, Radio Televisyen Malaysia (RTM) melalui rangkaian pertama dan kedua mereka, masing-masing sudah 80 dan 60 peratus mempraktikkan penggunaan rancangan terbitan tempatan.

"Oleh itu, TV3, Metrovision dan NTV7 dinasihatkan mengikut langkah RTM dengan mengeluarkan lebih banyak rancangan tempatan dan tidak terlalu tertumpu kepada produk luar.

"Dalam keadaan sekarang, ia akan dapat menyelamatkan aliran wang keluar yang banyak berikutan pembelian rancangan dilakukan dalam dolar Amerika.

"Malah, dari segi jangka panjang, ia juga akan menguntungkan stesen terbabit berikutan kos operasi yang semakin meningkat," katanya dalam sidang akhbar selepas menerima kunjungan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Antarabangsa Parti Buruh Korea, Choi Jin Su, di pejabatnya di Kuala Lumpur hari ini.

Sambil menyifatkan produk tempatan bermaksud semua rancangan yang dikeluarkan di negara ini tanpa mengira bahasa, Mohamed berkata, arahan pengurangan rancangan luar dan penambahan program tempatan itu selaras dengan dasar penyiaran negara.

Mengikut dasar penyiaran negara, semua televisyen teresterial harus menyiarkan 80 peratus rancangan tempatan dan 20 peratus, luar negara menjelang 2000.

Justeru, Mohamed berkata, kementeriannya sedang mengkaji mengenai peruntukan di bawah Akta Penyiaran bagi mewajibkan lebih banyak rancangan tempatan disiarkan dan dikurangkan penggunaan program luar negara.

Mengenai saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya produser filem tempatan bergabung, beliau berkata cadangan itu akan mengukuhkan lagi industri penyiaran negara.

Sehubungan itu, katanya, RTM tidak akan melayan permohonan daripada syarikat filem individu kerana keutamaan dan agihan slot hanya diberikan kepada syarikat yang bergabung serta memenuhi syarat ditetapkan.

Mohamed berkata, bagi memastikan saranan Perdana Menteri itu menjadi kenyataan, kerjasama penuh harus diwujudkan di kalangan syarikat konsortium dengan memastikan modal, kemudahan dan peralatan, mencukupi.

Tetapi, pada masa yang sama, beliau juga tidak menolak kemungkinan wujudnya beberapa konsortium yang hanya mencari keuntungan secara komisyen melalui saranan itu.

"Jika ini berlaku, ia tidak akan menyelesaikan masalah kualiti penerbitan rancangan tempatan," katanya.

(END)